

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Kongres Ekonomi buka peluang kepada semua



AHMAD ZAHID (tengah) pada sidang akbar selepas Majlis Prapeluncuran KEB 2024 di Putrajaya semalam.

Kongres Ekonomi buka peluang kepada semua

PUTRAJAYA – Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang bakal berlangsung pada 29 Februari ini terbuka kepada semua kaum Bumiputera termasuk dari Sabah, Sarawak dan Orang Asli tanpa mengira perbezaan faham politik.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, program yang bakal disertai 3,000 peserta itu bukan sahaja melibatkan Dewan Perniagaan Melayu, namun turut disertai kaum Orang Asli, Iban, Kadazan Dusun dan Dayak.

Katanya, ia mengambil pendekatan ‘buta warna’ menerusi penganjuran KEB 2024 yang mana penyertaannya terbuka kepada semua termasuk parti pembangkang.

“Penglibatahan mereka (Dewan Perniagaan) untuk mengetahui kuster Sabah dan Sarawak bagi meneliti beberapa perincian dan juga program yang disaran sebagai komponen penting dalam pelaksanaan KEB 2024.

“Ia juga akan ‘menggali’ beberapa aspek teknologi dan peluang baharu dalam bidang yang belum terjangkau di negara ini.

“Kita akan melihat unjuran 10 hingga 20 tahun akan datang

dan dibincangkan di peringkat institusi dan agensi diwujudkan sejak pelaksanaan kongres pertama pada 1965,” katanya pada Majlis Prapeluncuran KEB2024 di sini semalam.

Majlis prapeluncuran itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fahdillah Yusof dan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Tambah Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, resolusi dicapai di dalam kongres itu akan dikemukakan kepada Anwar pada sesi penutup.

“Kita juga mahu melihat bahawa peranan yang diberikan agensi itu dinilai keberkesanannya dan pemerkasaan dilakukan daripada dapatan kajian hasil libat urus,” katanya.

KEB 2024 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dianjurkan Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Kongres itu bertujuan mencadangkan hala tuju serta pendekatan baharu agenda pemerkasaan Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.